

Oleh Mahizura Abd Malik  
mahizura@hmetro.com.my  
Serdang

**A**pabila saya disahkan menghidap kanser, tak lain tak bukan hanya kematian yang terbayang, tetapi saya tak mengalah dan sekalipun tunjukkan saya pesakit kanser sebaliknya saya jalani hidup macam biasa.

"Hari ini (semalam) membuka mata saya apa yang pernah berlaku kepada diri saya ada hikmahnya dan buktinya segala penat lelah dan kepayahan akhirnya berbaray," demikian kata pesakit kanser payudara tahap empat Faiziah Shamsudin, 46, yang menggenggam Ijazah Doktor Fal-safah (PhD) (Bahasa Melayu) sempena Majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) kali ke-39, di sini, semalam.


Menurut ibu kepada tiga anak itu, seperti kebanyakan pesakit kanser lain dia pada mulanya hampir berputus asa, namun dia bangkit selepas memiliki kekuatan daripada dorongan keluarga terutama ibu serta suami.

"Saya pernah sedih dan kecewa sehingga tidak mahu menghabiskan pengajian apabila disahkan menghidap kanser payudara tahap empat dua tahun lalu dan sepatutnya sudah tamat pengajian pada 2013, tetapi tertangguh setahun."

"Pada wakt itu, saya malas mahu fikir pasal belajar lagi. Apa yang terlintas di fikiran macam mana hendak teruskan hidup demi anak dan keluarga."

"Bagaimanapun dengan sokongan keluarga saya akhirnya menjalani rawatan kemoterapi selama enam pusingan dan radioterapi kira-kira 15 kali serta menjalani pembedahan membuang payudara sebelah kanan pada Julai 2013."

"Ketika menjalani rawatan saya



mengalami kesan sampingan termasuk sukar bercakap kerana ulser teruk, tak boleh berjalan, urat macam renjatan elektrik sehingga satu tahap saya berbaring di atas simen kerana badan terlalu panas," katanya.

Menurutnya, pada Januari tahun lalu dia nekad membuat rayuan menyambung kembali perjuangan yang tergendala di UPM dengan sokongan surat doktor yang merawatnya.

"Keadaan kesihatan saya pada masa itu tidak berapa baik lagi kerana luka pembedahan sepanjang 15 sentimeter di dada sehingga ketika masih sakit selain kerap kebastangan menyukarkan saya menaip.

"Saya mengambil masa tiga bulan menyambung tugas menyempurnakan tesis kerana kesan sampingan rawatan membuatkan pergerakan terbatas," katanya.

Faiziah yang juga pensyarah Jabatan Pengajian Melayu, Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Raja Melewar Seremban, Negeri Sembilan berkata, dia tidak pernah menjadikan penyakit sebagai penghalang, tetapi meneruskan hidup dengan melakukan aktiviti seperti orang normal.

"Kini saya masih makan ubat dan menjalani pemeriksaan rutin di hospital selain meneruskan kerjaya sebagai pensyarah. Insya-Allah selepas ini, saya bercadang menyambung PhD dalam bidang veterinar pula."

"Selagi Allah beri peluang saya gunakan sebaiknya dengan jalani hidup macam biasa walaupun doktor mengesahkan saya hanya bebas daripada kanser sekiranya mampu melepas tempoh lima tahun."

"Setiap kali bangun tidur, saya selalu mengucap syukur kepada Allah kerana masih memberi peluang saya bernafas dan bersama orang yang saya cintai," katanya.



# GENGGAM PHD KANSER

■ Pesakit barah payudara bangkit lawan penyakit sebelum raih doktor falsafah

FOTO: ASYRAF SAWAL



FAIZIAH semakin sihat selepas menjalani 15 kali radioterapi dan pembedahan membuang payudara.



FAIZIAH ketika menerima rawatan kanser.



SOKONGAN ahli keluarga ketika sakit menjadi menguatkan semangat Faiziah.



FAIZIAH menderita kanser tahap empat.